

Bab 4

Unsur Asing dalam Bahasa Melayu

4.1 Pengenalan

Unsur asing dalam bahasa Melayu menjadi penanda untuk membezakan sesuatu kelainan daripada yang lain, terutamanya jika kelainan-kelainan tersebut disempadani oleh negara. Misalnya, selain faktor fonologi, bahasa Melayu Malaysia dengan bahasa Indonesia berbeza dari segi kosa kata pinjaman bahasa asing. Bahasa Indonesia lebih jelas menunjukkan pengaruh bahasa Belanda dan bahasa Jawa¹, dan kosa kata dari kedua-dua bahasa ini, walaupun terdapat juga dalam bahasa Melayu, jumlahnya jauh lebih banyak dalam bahasa Indonesia. Apabila mendengar perkataan ‘polisi’, orang Malaysia yang tidak berpengetahuan bahasa Indonesia akan mengingatkan makna perkataan ini sebagai ‘dasar’ (perkataan ini sebagai makna ‘dasar’ pernah digunakan dalam majalah dan surat khabar), tetapi sebenarnya perkataan ini bermakna ‘polis’. Kata-kata pinjaman dari bahasa Belanda dalam bahasa Indonesia seperti ‘apotek’, ‘bioskop’, ‘gratis’ yang masing-masing bermaksud ‘farmasi’, ‘panggung wayang’, ‘percuma’ juga mungkin agak sukar difahami oleh orang Malaysia secara umum.

Tentang dialek Patani dan dialek Kelantan pula, walaupun dari segi dialektologinya boleh dikatakan sebagai dialek yang serumpun, dua dialek ini juga boleh dibezakan berdasarkan unsur asing yang memberi pengaruh yang besar

¹ Menurut Ismail Hussein (1995), proses penjawaan (javanisasi) bahasa Indonesia sedang berjalan.

erhadapnya, iaitu bahasa Thai bagi dialek Patani dan bahasa Inggeris bagi dialek Kelantan. Perbezaan yang demikian semata-mata disebabkan oleh perbezaan masyarakat sekeliling yang disempadani oleh negara. Orang Kelantan dapat memahami dialek Patani dengan mudah, tetapi tentulah akan keliru dengan beberapa ungkapan yang sangat asing baginya, dan ungkapan demikian terdiri daripada unsur pinjaman daripada bahasa Thai (lihat **Bab 6**). Begitu juga bagi orang-orang Patani, antara semua selainan dialek bahasa Melayu di Semenanjung Malaysia, tentulah dialek Kelantan yang paling mudah difahami, tetapi akan mengalami kesulitan untuk memahami kata-kata pinjaman daripada bahasa Inggeris yang tidak ada dalam dialeknya sendiri.

Walaupun demikian, pertalian antara seluruh kelainan bahasa Melayu tetap berjalin dengan adanya beberapa faktor. Sifat kesederhanaan bahasa Melayu yang dijelaskan oleh Alisjahbana (lihat **1.1**), yang meliputi aspek fonologi, susunan suku kata dan tatabahasa, merupakan sifat yang ada pada semua kelainan bahasa Melayu. Antaranya, yang lebih penting dan paling ketara ialah kosa kata. Oleh itu, sebelum dibincangkan perbezaan antara dua kelainan bahasa Melayu yang menjadi bahan kajian ini, iaitu bahasa Melayu di Malaysia dengan dialek Patani, untuk tujuan mendapatkan gambaran yang lebih jelas, di sini akan ditinjau kosa kata milik bersama, terutamanya unsur pinjaman asing yang telah mantap dalam semua kelainan bahasa Melayu. Di luar kosa kata, mengikut keperluan, ditinjau juga faktor lain seperti aspek bunyi dan susunan tatabahasa.

Tinjauan dalam bab ini merupakan latar belakang sejarah yang bersifat diakronik bagi perbincangan dalam bab-bab yang berikut, yang lebih bersifat sinkronik. Oleh yang

demikian, peninjauan unsur pinjaman asing di sini dijalankan berdasarkan peringkat sejarah atau corak kebudayaan yang terdapat dalam kebudayaan Melayu.

Menurut Tham (1990 : xiv), dalam kebudayaan Melayu boleh dikesani empat unsur kebudayaan, iaitu unsur Nusantara atau tempatan, unsur Hindu-Buddha, unsur Islam (Arab-Parsi) dan unsur Barat. Dalam sejarah pertumbuhannya, amat sukar untuk memastikan bilakah unsur tempatan diambil dalam bahasa Melayu. Walaupun begitu, leh sebab dalam kitab lama terdapat banyak perkataan Jawa di samping perkataan Sanskrit, boleh dianggarkan bahawa kemasukan unsur bahasa Jawa dalam bahasa Melayu lebih lama dari kemasukan unsur bahasa Arab yang diambil mulai abad ke-13. Tetapi adalah amat sukar untuk memastikan antara dua bahasa tersebut, iaitu bahasa tempatan dengan bahasa Sanskrit, bahasa yang mana lebih awal mempengaruhi bahasa Melayu. Bangsa India datang ke Nusantara untuk tujuan perdagangan sebelum zaman rasejarah (Singaravelu, 1989 : 95), dan titik permulaannya tidak dapat dipastikan. Tentulah jenis bahasa yang digunakan oleh para pedagang India bukanlah bahasa Sanskrit, kerana bahasa Sanskrit merupakan bahasa tulisan yang bertujuan untuk menuliskan kitab agama dan falsafah. Tetapi bahasa percakapan yang digunakan oleh pedagang India juga tetap dipengaruhi oleh bahasa Sanskrit. Dengan itu boleh dianggarkan bahawa unsur bahasa Sanskrit tersebut juga sedikit sebanyak dimasukkan dalam bahasa Melayu. Walaupun demikian, pengambilan unsur bahasa Sanskrit secara mutlak berlaku setelah pemerintah Nusantara bertukar coraknya kepada sistem pemerintahan India yang berteraskan konsep dewaraja. Masalahnya di sini ialah titik permulaan pengambilan kosa kata bahasa India (Sanskrit) juga tidak dapat dipastikan

kerana tidak ada bahan sejarah bertulis².

Walau bagaimanapun, unsur tempatan akan dibincang lebih dahulu kerana iaambil dari dalam dunia Melayu, iaitu kata pinjaman daripada bahasa-bahasa Nusantara. Unsur tempatan yang dimaksudkan di sini ialah unsur asing yang terdapat dalam bahasa Melayu daripada bahasa-bahasa Nusantara yang lain. Setelah dibincangkan unsur tempatan, tumpuannya beralih kepada unsur asing daripada tamadun luar. Dunia Melayu telah mengalami pertembungan dengan tamadun agung luar sekali gus dengan agamanya masing-masing, iaitu:

- . Tamadun India dengan agama Hindu-Buddha
- . Tamadun Arab-Parsi dengan agama Islam
- . Tamadun Barat dengan agama Kristian

Antara tiga tamadun yang disenaraikan di atas, tamadun India dan tamadun Arab-Parsi memasuki dunia Melayu dengan cara yang aman tanpa kekerasan³, dan kedua-dua tamadun ini juga membawa agamanya masing-masing, dan dianuti oleh penduduk tempatan, dari lapisan teratas, iaitu kerabat diraja hingga lapisan rakyat jelata. Dengan adanya agama sebagai teras kebudayaannya, kedua-dua tamadun juga memberi

Ketiadaan bahan sejarah bertulis mungkin disebabkan oleh cara berfikir bangsa India. Menurut Shiba (1987), bukan seperti bangsa Cina yang sangat menitikberatkan catatan sejarah, bangsa India lebih menitikberatkan falsafah, fikiran dan pandangan dunia. Mereka tidak berminat pada sejarah, tetapi lebih enggumi fikiran abstrak yang berkaitan dengan agama.

Abdul Rahman Haji Abdullah (1989 : 19) menyatakan bahawa kedatangan agama Hindu-Buddha ke dalam Melayu berlaku secara dua hala, iaitu bukan sahaja dibawa oleh para pedagang dan paderi, tetapi hak penerima juga dengan ghairahnya menerima agama tersebut, baik dengan menghantarkan para pengkaji ke India untuk tujuan pelajaran agama, mahupun mengundang Brahmin terkenal sebagai penasihat raja. Penerimaan agama Islam juga dilakukan secara aman. Misalnya seorang raja Patani yang menghidap penyakit teruk memeluk agama Islam dan menukar namanya kepada Sultan Ismail Shah tetapi penyakitnya diubati oleh seorang alim dari Pasai yang bernama Sheikh Said (Khrongchay, 1998).

pengaruh yang amat besar, bukan sahaja kepada bahasa Melayu, tetapi juga kepada kebudayaan Melayu secara tuntas.

Pengaruh tamadun barat terhadap budaya Melayu, yang kemasukannya ke dunia Melayu disertai dengan kekerasan, tidak sedalam dua tamadun yang terdahulu. Kedua-dua tamadun terdahulu diterima oleh penduduk tempatan dengan sukarela. Mungkin kerana kedatangan tamadun Barat berserta dengan kekerasan, orang Melayu tidak menganggap unsur-unsur tamadun Barat sebagai jati dirinya sendiri.

Walaupun begitu, kedatangan kuasa Barat dan penjajahan yang berikutnya telah menukar corak kehidupan masyarakat di kawasan Nusantara. Sistem pentadbiran ditukarkan menjadi sistem pentadbiran Barat serentak dengan sistem perundangannya. Sistem pendidikan Barat mula dikenalkan kepada penduduk tempatan, walaupun bersifat elitis, terutamanya pada zaman sebelum kemerdekaan. Kemudahan asas atau infrastruktur seperti rangkaian jalan raya dan landasan kereta api juga dibina dalam aman ini. Barang yang dibawa dari Barat juga menyerap dalam kehidupan penduduk tempatan, seperti baju, kenderaan, peralatan dan sebagainya, dan corak kehidupan Barat amat berpengaruh sehingga hari ini.

Wilayah sempadan selatan Thai yang merupakan sebahagian daripada Dunia Melayu ialah satu-satunya kawasan orang Melayu yang tidak pernah dijajah oleh kuasa Barat (Mohd. Zamberi, 1994 : ix). Sebaliknya, wilayah tersebut ditakluki oleh kuasa kerajaan Siam yang berpusat di Bangkok, dan dasar-dasar yang diambil oleh kerajaan Siam juga sifatnya sama dengan dasar penjajah, malah lebih daripada itu, iaitu dasar

similasi orang Melayu⁴. Walaupun wilayah selatan sempadan Thai tidak pernah berada di bawah kuasa Barat secara langsung, wilayah ini juga tetap menerima pengaruh proses embaratan melalui kuasa Siam. Di samping itu juga, dalam dialek Patani terdapat sejumlah perkataan bahasa Inggeris yang mungkin diambil daripada bahasa Melayu Hinduk di Semenanjung Tanah Melayu. Hal ini disebabkan oleh faktor kedudukan geografi Thai yang terletak berhampiran dengan Semenanjung.

Daripada penjelasan di atas, boleh dirumuskan bahawa tamadun barat memberi pengaruh yang besar kepada aspek zahiriah, tetapi aspek batiniah, yang menjadi teras kebudayaan Melayu, lebih dipengaruhi oleh tamadun India dan tamadun Islam (Arabsarsi)⁵. Walaupun begitu, yang menjadi asas bagi budaya Melayu ialah kebudayaan tempatan. Unsur budaya atau tamadun dari luar tidak diambil dalam bentuk yang asal, tetapi direalisasikan sambil diubahsuaikan dengan keadaan di Nusantara (Taib Osman, 1988 : 45-46). Berdasarkan susunan budaya yang diterangkan di atas, perbincangan selanjutnya bermula daripada unsur dari dalam dunia Melayu, dan diikuti oleh tiga tamadun agung dari luar.

Sebagai satu contoh dasar kerajaan Siam yang bersifat lebih buruk daripada penjajahan ialah dasar nama luarga. Dengan dasar ini, orang Islam terpaksa membuat nama keluarga mengikut bunyi dan ejaan hasil Thai. Tindakan demikian pernah diambil oleh kerajaan tentera Jepun terhadap orang Korea semasa man penjajahannya (1910-1945), dan telah membangkitkan kemarahan penduduk tempatan. Dengan mikian, dasar integrasi kerajaan Siam yang pernah dilaksanakan lebih kejam sifatnya berbanding dengan dasar yang dilakukan oleh penjajah Barat.

Dari satu sudut, hal ini disebabkan oleh dasar penjajahan Inggeris yang menyerahkan hal yang berkaitan dengan budaya dan agama kepada sultan (Tham, 1990).

4.2 Sebab-musabab Peminjaman Unsur Asing

Sebelum melangkah ke tinjauan terhadap unsur asing mengikut sumber peminjaman seperti yang diterangkan di atas, di sini terlebih dahulu diterangkan sebab-musabab berlakunya peminjaman bahasa secara umum.

Peminjaman ialah hasil daripada pertembungan bahasa. Pertembungan bahasa menyebabkan kemasukan unsur asing dalam sesuatu bahasa⁶. Faktor yang menyebabkan pertembungan bahasa yang sesuai untuk keadaan bagi kajian ini disenaraikan di bawah:

- 1. Geografi
- 2. Imigran
- 3. Perdagangan
- 4. Agama
- 5. Pendidikan dan kegiatan ilmu
- 6. Penjajahan
- 7. Media massa
- 8. Globalisasi

Apa yang dimaksudkan dengan pertembungan bahasa di sini ialah sesuatu golongan) penutur bahasa bertembung dengan bahasa lain (atau golongan penutur bahasa lain). Biasanya pertembungan ini mengambil bentuk pertembungan golongan

Selain perkataan pinjaman, unsur asing juga boleh mempengaruhi pelbagai peringkat, bermula daripada unyi sehingga nahu dan juga peribahasa (Abdullah Hassan, 1994 : 44-45).

manusia seperti disebabkan oleh faktor satu hingga tiga. Dalam hal ini, bahasa kedua-dua pihak berpengaruh antara satu sama lain, iaitu mengambil bentuk hubungan dua ala. Sebaliknya, pertembungan bahasa juga tidak semestinya perlu mengambil bentuk pertembungan golongan manusia, seperti faktor empat hingga lapan. Dalam hal ini, penutur sesuatu bahasa, walaupun tidak bertembung dengan golongan manusia yang lain, dan tidak bergerak ke mana-mana, tetap menerima pengaruh daripada bahasa lain sebagai pihak penerima pengaruh sehala. Contohnya, bahasa asing yang diajar sebagai mata pelajaran atau digunakan sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan dapat memberi pengaruhnya yang bersifat sehala, iaitu bahasa bagi pihak penerima atau enduk tempatan menerima pengaruh sehala daripada bahasa asing berkenaan secara sehala, tetapi pihak bahasa asing berkenaan pula hampir tidak dipengaruhi oleh bahasa empatan.

Unsur pinjaman yang diambil daripada bahasa-bahasa Nusantara disebabkan oleh faktor satu hingga tiga. Misalnya, kemasukan unsur dialek (tempatan) ke dalam bahasa Melayu disebabkan oleh faktor pertama. Imigran dari Minangkabau ke Negeri Sembilan, contoh bagi faktor yang kedua, menyebabkan kemasukan kata-kata daripada bahasa mereka ke dalam bahasa Melayu dengan banyaknya. Kawasan kediaman penutur asli bahasa Melayu yang kebanyakannya di pesisir pantai (Abdullah Hassan, 1994 : 9) mempunyai beberapa pusat perdagangan seperti Melaka dan Patani, didatangi oleh pedagang dari kawasan lain¹.

Menurut Khrongcai (1989), antara bangsa yang berdagang di Patani dari Nusantara, terdapat orang wa, orang Bali, orang Bugis dan sebagainya.

Kemasukan unsur asing dari tamadun India dan tamadun Islam boleh dikaitkan dengan faktor tiga hingga lima. Selain itu, terdapat sejumlah kecil golongan imigran dari tempat asal kedua-dua tamadun tersebut, namun peranannya dalam pertembungan bahasa tidak besar⁸. Peranan para pedagang, terutamanya dalam pengambilan unsur asing dari tamadun India tidak boleh diketepikan (Ismail Hussein, 1966 : 7). Tetapi faktor yang lebih penting di sini ialah agama. Agama Hindu-Buddha dan agama Islam telah dijadikan agama rasmi oleh kerajaan-kerajaan tempatan di Nusantara. Ekoran itu, kegiatan ilmiah seperti penulisan kitab, pengajaran serta penelitian agama juga dilaksanakan dengan giat, sehingga daerah Nusantara terkenal sebagai pusat pengajian agama. Misalnya pelajar dari Cina mempelajari bahasa Sanskrit terlebih dahulu di Sumatera sebelum berangkat ke India (Nik Safiah dll., 1993 : 5). Beberapa tempat seperti Aceh dan Patani terkenal sebagai pusat pendidikan Islam di seluruh Nusantara. Dengan itu, boleh dikatakan bahawa kemasukan unsur asing dari tamadun India dan tamadun Islam berteraskan unsur keagamaan.

Unsur asing dari dunia barat pula boleh dikaitkan dengan faktor lima hingga tujuh. Peranan perdagangan dalam hal ini jauh lebih kecil berbanding dengan faktor-faktor lain. Jika dengan perdagangan sahaja, istilah dari unsur asing tidak diambil ke dalam sesuatu bahasa. Sebagai misalan, diambil hubungan antara Jepun dengan Nusantara. Abad ke-16 merupakan zaman gemilang bagi perdagangan antara Jepun dengan dunia luar pada masa lampau. Jepun bukan sahaja berdagang dengan Cina, tetapi belseyar lebih jauh dari itu hingga ke Asia Tenggara. Bandar orang Jepun juga

⁸ Di sini, antara yang dimaksudkan dengan imigran dari India tidak termasuk imigran dari selatan India yang berhijrah beramai-ramai sekitar zaman penjajahan.

ibina di pusat perdagangan utama pada zaman itu, seperti di Jakarta, Manila, Ligor (Nakhon Sri Thammarat), Patani⁹ dan sebagainya. Tetapi perdagangan ini hampir tidak membawa unsur asing ke dalam bahasa bagi kedua-dua pihak, kecuali terdapat beberapa nama barang yang didagangkan dalam bahasa Jepun. Kemasukan unsur bahasa Jepun ke dalam bahasa Melayu, atau lebih luas bahasa Nusantara, berlaku setelah penjajahan Jepun pada zaman Perang Dunia Kedua.

Di sini, dalam pengambilan unsur Barat, faktor yang menjadi teras di sini ialah penjajahan. Penjajahan mempengaruhi hampir semua aspek kehidupan dengan membina sistem pemerintahan cara Barat. Pengambilan kosa kata asing juga dimantapkan melalui sistem pendidikan. Sekolah untuk rakyat jelata cuma sampai ke peringkat awal sahaja. Di Malaysia, misalnya, pendidikan untuk orang Melayu bertujuan untuk menjadikan mereka sebagai petani atau nelayan yang baik (Nik Safiah, 1990 : 63). Dengan demikian, kegiatan ilmiah yang tinggi dijalankan menggunakan bahasa pengantar bahasa penjajah. Pendidikan tinggi turut disampaikan dalam bahasa penjajah. Ini bukan sahaja bermaksud bahasa Melayu menerima pengaruh yang besar daripada bahasa penjajah, tetapi yang lebih pentingnya ialah bahasa Melayu tidak diberikan peluang untuk berkembang mengikut perkembangan zaman dalam berbagai-bagai bidang seperti sains dan teknologi, pemerintahan, perundangan, pendidikan dan sebagainya.

Di samping faktor penjajah, bahasa Inggeris disebarluaskan melalui faktor media massa dan globalisasi. Tetapi hal ini berkaitan dengan perbincangan mengenai keadaan

Patani pada zaman ini merupakan salah satu rakan perdagangan Jepun yang utama di kawasan Asia Tenggara. Oleh yang demikian, ketua pemerintah Edo, Tokugawa Ieyasu, Syogun pada ketika itu, telah mengutuskan surat rasmi kepada raja Patani (Mohd. Zamri A. Malek, 1994 : 24).

emasa, dan pengaruh bahasa Inggeris terhadap bahasa Melayu dalam wacana masa kini dibincangkan dalam **Bab 6** dan **8**. Di sini tumpuannya kepada unsur bahasa Inggeris yang diambil dalam konteks sejarah.

3 Unsur Pinjaman dari Dalam Nusantara

Jumlah semua perkataan dalam sesuatu bahasa mustahil boleh dikira dengan tepat, dan begitu juga jumlah perkataan pinjaman dalam sesuatu bahasa. Walaupun begitu, perkiraan berdasarkan kamus boleh membantu untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas. Menurut tinjauan Arai (1998), antara semua perkataan yang dimasukkan dalam *Kamus Dewan Edisi Baharu* (1989) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, iaitu sebanyak 28,651 perkataan, perkataan pinjaman berjumlah 10,062 perkataan, atau dari segi kadarnya hampir sama dengan 35 peratus. Antaranya, sumber pinjaman yang membekalkan lebih daripada satu ribu perkataan ialah bahasa Inggeris (2,381 perkataan), bahasa Arab (1,791), bahasa Jawa (1,482), bahasa Belanda (1,387), dan bahasa Minangkabau (1,003). Sumber pinjaman yang membekalkan lebih daripada peratus perkataan ialah bahasa Jakarta (920), bahasa Sanskrit (490), bahasa Cina (188), dan diikuti oleh bahasa Sunda (90), bahasa Portugis (83), bahasa Parsi (81), bahasa Tamil (57), bahasa Hindi (57) dan bahasa-bahasa lain. Dengan itu, jelaslah bahawa perkataan pinjaman dari kawasan dalam Nusantara merupakan sumber pinjaman terbesar untuk bahasa Melayu dari segi jumlahnya.

3.1 Kedudukan

Hasil tinjauan Arai di atas mungkin agak berbeza dengan tanggapan umum, ang bahasa Melayu kaya dengan unsur dari luar Nusantara, terutamanya bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Daripada angka-angka yang disenaraikan di atas, jelaslah bahawa tetap pentingnya bahasa-bahasa dalam dunia Nusantara sebagai sumber pinjaman bagi bahasa Melayu. Kesemuanya lebih daripada tiga ribu perkataan, dan angka ini melebihi 90 peratus daripada semua perkataan yang dientrikan dalam *Kamus Dewan Edisi Baharu*. Walaupun begitu, sejumlah perkataan tidak lagi dianggap sebagai perkataan pinjaman, tetapi dianggap sebagai perkataan Melayu asli. Contohnya, perkataan-perkataan seperti *agung*, *budaya*, *cacat*, *calon*, *gagal*, *kesal*, *kenapa*, *lakon*, *lambang*, *pi*, *tanpa* kemungkinan besar dianggap sebagai perkataan Melayu asli oleh masyarakat umum. Sebenarnya kesemuanya diambil daripada bahasa Jawa.

Satu lagi faktor yang menyebabkan orang awam tidak menganggap bahasa Nusantara sebagai sumber pinjaman utama dalam bahasa Melayu ialah kerana sebanyak perkataan yang diambil daripada bahasa-bahasa Nusantara jarang digunakan dalam bahasa Melayu. Mungkin ramai yang tidak dapat menerangkan maksud perkataan-perkataan yang berikut; *besek*, *ewa*, *kasdu*, *orong*, *pecus*, *raden*.

Dari sudut yang lain pula, perkataan pinjaman yang diambil dari dalam Nusantara merupakan pertembahan kata yang dapat mengayakan bahasa Melayu (Nik Safiah, 1999). Usaha ini kelihatannya telah bermula, dengan mengaplikasikan perkataan-perkataan yang sedia ada dalam konteks baharu. Perkataan-perkataan Jawa

seperti *hubur*, *gawat*, *mampau* dan *mantap* telah mula digunakan dengan luas, dan ini merupakan contoh penggunaan baharu yang mengayakan bahasa Melayu dengan memanfaatkan unsur dalaman atau unsur yang lebih bersifat kemelayuan.

3.2 Golongan Kata

Dari segi golongan kata pula, perkataan pinjaman daripada bahasa Nusantara diliputi golongan yang pelbagai, walaupun tidak seketara seperti halnya bahasa Sanskrit. Selain kata nama dan kata sifat yang paling mudah diambil sebagai perkataan pinjaman, terdapat juga kata-kata yang berperanan nahu seperti *kenapa* (kata tanya), *esti* (kata bantu), *tanpa* (kata sendi nama), yang kesemuanya daripada bahasa Jawa.

4 Unsur Pinjaman daripada Bahasa Sanskrit

Tentang kesan bahasa Sanskrit terhadap bahasa Melayu, Ismail Hussein (1966:10-11) menilaiannya sebagai satu evolusi yang mengangkat bahasa Melayu daripada bahasa yang digunakan dalam masyarakat yang rendah kebudayaan serta ilmu pengetahuan kepada bahasa “yang sanggup menyampaikan idea-idea baharu yang tinggi-tinggi”. Bidang yang diliputi oleh perkataan pinjaman daripada bahasa Sanskrit juga luas, bermula daripada nama-nama tumbuhan dan haiwan, bahagian badan, alat perkakas dan perdagangan, sehingga sistem pemerintahan, agama dan ilmu pengetahuan.

Menurut Tham (1990 : 28-29) pula, perkataan Sanskrit memainkan peranan penting dalam bidang yang berkaitan dengan keagungan golongan diraja dan agama, amandan dunia serta moral. Nama-nama pangkat tinggi dalam sistem pemerintahan, gelaran dan panggilan terhadap golongan diraja hampir semuanya diambil dari bahasa sanskrit. Oleh sebab kini sistem pemerintahannya ditukarkan menjadi sistem emerintahan Barat, nama-nama pangkat telah ditukar kepada nama Barat, terutamanya dalam tentera dan polis. Tetapi ketua pentadbiran tetap dipanggil *menteri* dan ketua negala menteri ialah *perdana menteri*, dan kebanyakannya mempunyai gelaran-gelaran yang dianugerahkan oleh *Duli Yang Maha Mulia*.

Perkataan yang berkaitan dengan agama juga tidak kurang kepentingannya. Setelah kedatangan Islam, *neraka* dan *syurga* ditukarkan konsepnya kepada yang bersifat keislaman. *Dosa* pula mula mendukung makna perkara-perkara haram, dan *rahala* pula boleh diperoleh melalui amal ibadah. Dengan demikian, kelakuan yang tidak baik, *durjana* atau *aniaya*, *dusta* dilarang, malah yang digalakkan ialah berbaik dan menderma. Lalu *jiwa* akan jadi *suka* dan *bahagia*, terlepas daripada *chika*.

4.1 Kedudukan

Setelah kedatangan agama Islam ke dunia Melayu, banyak perkataan Sanskrit gantikan dengan perkataan Arab. Dengan demikian perkataan pinjaman daripada bahasa Sanskrit tidak begitu banyak jumlahnya, tetapi memainkan peranan yang amat penting dalam bahasa Melayu, malah tanpa perkataan Sanskrit, amat sukar untuk

menjalankan kegiatan berbahasa Melayu¹⁰. Cogan kata *Bahasa Jiwa Bangsa* terdiri dari perkataan pinjaman Sanskrit sahaja, tetapi bahasa yang dimaksudkan di sini bukan bahasa Sanskrit, tetapi bahasa Melayu.

Di samping banyak perkataan Sanskrit yang dikikis oleh perkataan Arab, perkataan Sanskrit dapat dikekalkan dengan cara sinonim. Misalnya, bagi komponen tiga perkataan cogan kata di atas, iaitu *bahasa*, *jiwa*, serta *bangsa* terdapat padanan dalam perkataan pinjaman dari bahasa Arab, iaitu *loghat*, *kalbu* dan *kaum*. Tetapi ketiga-tiga perkataan Sanskrit dapat dikekalkan dengan diberikan makna atau konotasi yang berlainan.

Selain itu, kereta buatan Malaysia yang menjadi kebanggaan orang Malaysia juga diberikan nama-nama dari bahasa Sanskrit, seperti "Wira", "Perdana" dan "Satria". Di sini ketiga-tiga perkataan ini tidak lagi dianggap sebagai unsur asing. Sebaliknya, dengan bangganya nama-nama ini diberikan kepada kereta buatannya sebagai lambang teknologi Malaysia. Daripadauraian yang diberikan di atas, jelaslah unsur bahasa Sanskrit telah tidak lagi dianggap sebagai unsur asing, sebaliknya menjadi bahagian yang utama dalam kosa kata bahasa Melayu. Ismail Hussein (1966 : 8) berkata, "Bahasa Sanskrit hampir dapat dikatakan menjadi asas bahasa Melayu moden seperti bahasa Inggeris menjadi asas bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa Eropah yang lain". Dan yang

Walaupun perkataan Arab mengambil alih tempat perkataan Sanskrit, sebahagian istilah agama tetap masih seperti *neraka*, *syurga*, *dosa* dan *pahala*. Hal ini mungkin disebabkan oleh faktor penyebaran agama. Untuk menyebarkan agama kepada rakyat yang jahil dalam hal agama, cara yang berkesan ialah menakutkan dengan *neraka* yang merupakan hukuman bagi orang yang berdosa, lalu melapangkan akutuan tersebut dengan *syurga* yang boleh dimasuki melalui himpunan *pahala*. Dalam hal ini konsep neraka dan pahala boleh dipergunakan. Dengan demikian, perkataan-perkataan demikian dapat dikekalkan walaupun setelah kedatangan Islam dan unsur Arab.

bih pentingnya, walaupun setelah kedatangan agama Islam yang disertai oleh bahasa Arab, unsur-unsur bahasa Sanskrit tetap dikekalkan dalam bahasa Melayu (Ismail ussein, 1966 : 31).

4.2 Golongan Kata

Seperti yang telah diuraikan di bahagian awal, dari segi jumlahnya perkataan yang diambil dari bahasa Sanskrit tidak berapa banyak. Tetapi perkataan pinjaman dari bahasa Sanskrit meliputi kebanyakan golongan kata bahasa Melayu. Satu contoh diberikan di bawah dalam bentuk senarai.

Adual 4.1 Contoh Kata Pinjaman daripada Bahasa Sanskrit dalam Bahasa Melayu

ata nama	agama, arti, bahasa, bangsa, beras, berita, cakerawala, cinta, derma, dosa, gajah, hari, harga, jiwa, jaya, kala, kepala, kereta, manusia, menteri, merdeka, negara, penjara, raja, sastera, utara, wanita, warta
ata bilangan	eka-, dwi-, tri-, panca, kasta, dasa-, segala, semua, serba
ata ganti nama	saya, saudara, puan, baginda
ata sifat	bahagia, ceria, duka, durjana, jahat, jelita, nyata, merdu, pandai, ramai, sama, sementara, sempurna, senantiasa, suka, swasta, utama
ata kerja	ajar, baca, bahagi, bermiaga ¹¹ , bicara, curi, guna, jaga, mati, percaya, periksa, puji, sangka, seru, siksa
ata hubung	atau, bahawa, ketika, nescaya, supaya, tatkala, tetapi
ata tanya	bila
ata perintah	sila
ata pangkal ayat	kalakian
ata sendi nama	antara, laksana, pada, seperti, umpama

Sebenarnya, perkataan 'niaga' ini berasal daripada perkataan Sanskrit *vanijjya*, dan bentuknya berubah menjadi baniaga, lalu muncullah bentuk 'berniaga'. Dalam hal ini, orang awam menganggap bahagian 'er-' bagi perkataan ini sebagai imbuhan 'ber-', dan bahagian 'niaga' pula dianggap kata dasar (Mohamed Ngajenan, 1986).

Antara golongan kata yang disenaraikan di atas, dari segi jumlahnya, golongan kata yang jauh lebih banyak daripada yang lain ialah kata nama. Kadarnya melebihi 90 peratus, dan diikuti oleh kata sifat. Jumlah kata kerjanya tidak begitu banyak, tetapi dengan proses pengimbuhan, golongan kata lain boleh dijadikan kata kerja seperti *mengepalai, menyamakan, membahagiakan* dan sebagainya.

Perkara yang perlu diperhatikan di sini ialah golongan kata yang memikul tugas nahu, seperti kata-kata tugas juga banyak diambil daripada bahasa Sanskrit. Dengan keadaan ini boleh dibayangkan keghairahan orang-orang Melayu pada zaman dahulu untuk mengambil unsur bahasa Sanskrit. Sebagai latar belakang, perlu diingatkan bahawa keagungan tamadun India di kaca mata orang Melayu pada zaman itu amat ketara, kerana orang Melayu kuno tidak mempunyai sebarang unsur kebudayaan tinggi sama sekali. Orang Melayu pada zaman itu ingin sekali meniru segala-gala yang ada pada orang India, sehingga bahasanya juga mula berbau bahasa Sanskrit¹².

Jika kita meneliti semua perkataan pinjaman yang ada pada bahasa Melayu, jelaslah bahawa perkataan pinjaman daripada bahasa Sanskrit merangkumi jauh lebih banyak golongan kata daripada perkataan pinjaman daripada bahasa-bahasa lain. Hal ini tidak berlaku pada perkataan pinjaman daripada bahasa-bahasa lain, kecuali unsur bahasa Inggeris yang digunakan secara tidak rasmi. Tetapi perbezaan yang besar antara kedua-duanya ialah unsur bahasa Sanskrit dianggap sebagai darah daging bahasa

¹² Hal ini amat mirip dengan keadaan di Jepun sebelum kedatangan budaya Cina. Bangsa Jepun yang tidak memiliki apa-apa budaya tinggi pada zaman kuno, dipengaruhi oleh budaya Cina yang berteraskan agama Buddha Mahayana. Selain agama, bahasa Jepun juga menerima pengaruh yang amat besar dari bahasa Cina, sehingga mencipta sistem tulisan Jepun berdasarkan tulisan Cina. *Katakana* serta *Hiragana*, ang kononnya dianggap sebagai tulisan Jepun asli, sebenarnya merupakan bentuk yang diubalhsuaikan dari tulisan Cina.

Melayu (iaitu sifat kemelayuaninya tidak perlu dipertikaikan lagi), manakala unsur dari bahasa Inggeris yang diambil dalam percakapan tidak rasmi (akan dijelaskan dalam Bab 5) pada umumnya dianggap sebagai gejala yang tidak diingini, sehingga kadang-kala dipanggil sebagai 'pencemaran bahasa'.

5 Unsur Pinjaman daripada Bahasa Arab

Tamadun Islam ialah tamadun agung kedua yang memberi pengaruh terhadap kebudayaan Melayu. Menurut Ismail Hamid (1988 : 23), kedatangan Islam bertarikh pada abad ke-12. Bukan seperti kebudayaan India yang pengaruhnya terhad kepada golongan atasan, pengaruhnya tersebar kepada segala lapisan masyarakat (Mohd. Taib Osman, 1974 : 49). Berikutan perkembangan agama Islam di dunia Melayu, bahasa tama yang digunakan dalam agama tersebut, iaitu bahasa Arab, turut mempengaruhi bahasa Melayu. Selain menjadi sumber perkataan pinjaman, bahasa Arab meningkatkan fungsi bahasa Melayu. Menurut Ismail Hamid (1988 : 25) lagi, usaha untuk menghasilkan kitab agama telah menyumbang dalam mewujudkan bentuk bahasa Melayu baku. Abdul Rahman (1989 : 142-143) pula menegaskan bahawa bahasa Melayu ditingkatkan tarafnya menjadi bahasa pengantar di kawasan Nusantara, malah dengan itu bahasa Melayu menjadi bahasa untuk menghubungkan kaum-kaum yang dipisahkan oleh perbezaan bahasa.

Pembakuan dan peningkatan taraf bahasa Melayu boleh dikaitkan dengan danya tulisan bersama, iaitu tulisan Jawi. Sebelum mempunyai tulisan yang selaras ini,

dunia Melayu mempunyai beberapa jenis tulisan yang tidak selaras. Jika tulisannya berlainan, sesuatu bahasa dianggap sebagai bahasa asing, dan taraf persefahamannya terhad. Tetapi pengambilan tulisan Jawi yang diambil daripada sistem tulisan bahasa Arab dapat menyelesaikan masalah itu.

Selain itu, bahasa Arab memberi pengaruh terhadap bahasa Melayu dari segi bunyi. Bunyi-bunyi asing seperti /f/, /gh/, /kh/, /sy/, /z/ turut diambil ke dalam sistem bunyi bahasa Melayu. Ini agak berbeza dengan bahasa Sanskrit. Perkataan bahasa Sanskrit telah disesuaikan bunyinya mengikut lidah Melayu. Perbezaan ini juga berkaitan dengan tulisan. Oleh sebab bahasa Sanskrit tidak dapat meninggalkan kesan yang mendalam dari segi tulisan, maka bunyinya juga menghilang mengikut edaran masa (sebenarnya bahasa Sanskrit mengandungi beberapa bunyi yang asing bagi bahasa Melayu). Selain itu, pengubahsuaian bunyi juga telah dilakukan terhadap perkataan Sanskrit (Mohamad Ngajenan, 1986). Tetapi tentang bahasa Arab pula, dengan adanya tulisan Jawi, bunyinya juga dikenal seingga hari ini¹³.

Di samping pengambilan sistem tulisan, pengajaran membaca al-Quran, iaitu mengaji, juga amat membantu kemasukan bunyi-bunyi Arab ke dalam bahasa Melayu. Sebenarnya tahap penyebaran agama Hindu-Buddha tidak diketahui dengan jelas, sama ada sampai ke rakyat jelata ataupun terkepung di kalangan golongan istana. Tetapi tentunya kitab-kitab agama Hindu-Buddha yang ditulis dalam bahasa Sanskrit tidak fahami oleh rakyat jelata. Jika kita meneliti perkataan Sanskrit dalam bahasa Melayu,

Sebelum tulisan Jawi, penutur bahasa Melayu juga menggunakan tulisan daripada bahasa-bahasa India. Apa pengaruhnya menghilang setelah kedatangan Islam (Hashim Hj Musa, 1997). Walaupun begitu, bahasa Jawa masih menggunakan hurufnya sendiri yang diubahsuaikan daripada huruf dari India selatan samping tulisan Rumi.

jelas bahawa pengubahsuaian bunyi dilakukan terhadapnya, sehingga amat sukar untuk mengesani bentuk asalnya. Hal ini agak berlainan dengan bahasa Thai, yang masih mengekalkan bentuk asli perkataan Bali/Sanskrit, walaupun bunyinya telah diubahsuaikan. Berbanding dengan unsur daripada bahasa Sanskrit, unsur bahasa Arab dalam bahasa Melayu mengekalkan bentuk asli dengan baik, sehingga bentuk asalnya mudah dikesani. Dalam hal ini peranan yang dimainkan oleh bunyi, di samping tulisan, tidak boleh dipandang remeh.

Selain unsur-unsur yang tersebut di atas, bahasa Arab juga berpengaruh dalam susunan ayat, terutamanya dalam kitab-kitab lama. Kedudukan kata kerja yang dihadului oleh kata hubung, dan diikuti oleh kata nama atau kata ganti nama sebagai subjek ayat (misalnya “*Maka sabda Raja Kida Hindi pada Perdana Menteri...*” dari *Sejarah Melayu*) jelas menunjukkan pengaruh dari susunan ayat bahasa Arab. Penggunaan kata hubung yang terlampau banyak (terutamanya *maka*) juga boleh ianggap sebagai pengaruh bahasa Arab.

Di samping kesan-kesan yang dijelaskan di atas, perlu ditegaskan di sini bahawa edatangan Islam berserta dengan bahasa Arab memainkan peranan yang tidak ternilai alam meluaskan pandangan dunia serta pemikiran orang Melayu. Serentak dengan penyebaran agama Islam yang tidak terhad di kawasan istana seperti agama Hindu-Buddha, agama Islam menjadi agama bagi semua lapisan masyarakat bangsa Melayu. Agama Islam menolak segala sesuatu yang bertentangan dengan akidahnya. Maka dengan demikian, tasyul, adat yang sesat, dan ilmu hitam berjaya dihakiskan dengan yanya, walaupun masih terdapat saki-bakinya. Dengan mengambil perkataan pinjaman

daripada bahasa Arab sekaligus dengan konsepnya, bangsa Melayu dapat mencipta satu pandangan dunia yang amat jelas dan teratur, berdasarkan konsep pencipta yang Maha Esa, bukan seperti pandangan dunia yang kelam kabut dan penuh dengan cerita-cerita dongeng. Dalam hal ini peluasan pandangan akibat pengambilan unsur bahasa Arab amat penting ditegaskan di sini.

4.5.1 Kedudukan

Tidak seperti perkataan pinjaman dari bahasa Sanskrit, kebanyakan perkataan pinjaman daripada bahasa Arab masih tetap dianggap sebagai unsur asing oleh penutur bahasa Melayu. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor. Pertama, kerana dalam situasi-situasi tertentu, terutamanya dalam majlis agama dan khutbah Jumaat, perkataan Arab masih disebut mengikuti bunyi asalnya, walaupun dalam situasi biasa perkataan Arab disesuaikan dengan lidah Melayu. Kedua, perkataan-perkataan tertentu, terutamanya dalam buku-buku agama, masih dieja mengikut struktur asal, seperti *khabar*, *redha*, *rudu'* dan sebagainya. Ketiga, berbanding dengan bahasa Sanskrit, bahasa Arab datang emurian, iaitu lebih satu ribu tahun setelah kedatangan pengaruh tamadun India.

Satu lagi ciri perkataan bahasa Arab dalam bahasa Melayu adalah unsur Arab berikan penilaian yang lebih tinggi. Misalnya, perkataan-perkataan seperti *ajal*, *tiwan*, *insan*, *riwayat* dianggap lebih sopan atau lebih tinggi daripada perkataan *mati*, *natang*, *orang* dan *cerita*.

4.5.2 Golongan Kata

Perkataan pinjaman daripada bahasa Arab mempunyai beberapa ciri. Dari segi umlahnya perkataan pinjaman daripada bahasa Arab merupakan sumber kedua terbesar bagi bahasa Melayu. Berbanding dengan bahasa Sanskrit, unsur bahasa Arab dalam bahasa Melayu lebih bersifat khusus, dan kebanyakannya berkaitan rapat dengan konsep dan ajaran agama Islam.

Dari segi golongan kata pula, tidak seperti perkataan pinjaman dari bahasa Sanskrit, golongan kata perkataan bahasa Arab dalam bahasa Melayu agak terhad, iaitu kata nama, kata sifat dan kata hubung tertentu yang digunakan dalam sastera lama, seperti *alkisah* dan *arakian*. Walaupun penggunaannya amat terhad, kata ganti nama diri bahasa Arab, iaitu *ana* dan *anta* juga terdapat dalam bahasa Melayu. Sebagai contoh kekecualian, dalam dialek Kelantan dan dialek Patani, perkataan *hak* digunakan sebagai kata hubung pancangan relatif, iaitu fungsinya hampir sama dengan *yang* dalam bahasa Melayu baku. Walaupun begitu, secara keseluruhannya, boleh dikatakan bahawa perkataan pinjaman daripada bahasa Arab tidak meliputi golongan kata yang luas.

4.6 Unsur Pinjaman daripada Bahasa-Bahasa Barat

Selepas tamadun Islam, unsur asing ketiga yang berpengaruh besar terhadap bahasa Melayu ialah bahasa-bahasa penjajah Barat. Bahasa Portugis merupakan bahasa penjajah pertama yang berpengaruh terhadap bahasa Melayu. Walaupun jumlahnya

tidak banyak, antaranya terdapat beberapa perkataan yang digunakan hari-hari, seperti *bangku, garpu, kemeja, minggu, tuala* dan sebagainya. Setelah itu kuasa Portugis hampir dinyahkan oleh kuasa Belanda dan Inggeris, dan dunia Melayu dibahagikan dua oleh kedua-dua penjajah tersebut. Perbezaan penjajah ini turut menjadi sebab perbezaan antara bahasa Indonesia dengan bahasa Melayu yang sebenarnya berasal daripada bahasa yang sama.

Setelah selesai zaman penjajahan, bahasa Inggeris tetap berkuasa sebagai bahasa dunia, terutamanya dalam zaman pensarwajagatan serta sains dan teknologi. Bahasa Inggeris telah menjadi bahasa media massa, bahasa asing terpenting dalam sistem pendidikan dan baru-baru ini menjadi bahasa pengantar utama dalam teknologi maklumat. Sistem operasi (*operating system, OS*) perisian komputer hampir semuanya berdasarkan bahasa Inggeris (kerana syarikat pembekal sistem operasi terbesar, iaitu Microsoft dan Apple ialah syarikat dari Amerika). Kebanyakan laman web di seluruh pelusuk dunia juga dihasilkan dalam bahasa Inggeris. Penggunaan bahasa Inggeris yang terlampau ini telah digambarkan sebagai imperialisme bahasa (*linguistic imperialism*) oleh Phillipson (1992), tetapi kepentingan bahasa Inggeris tidak berkurangan, malah semakin bertambah. Berikutan dengan kecenderungan sedemikian, pengaruh bahasa Inggeris terhadap bahasa Melayu juga tetap dikenalkan, malah bertambah besar.

Dalam pengambilan unsur bahasa Inggeris, terdapat dua jenis pengambilan, iaitu pengambilan unsur bahasa Inggeris secara rasmi dan secara tak rasmi. Pengambilan secara rasmi bermaksud unsur-unsur yang diambil dari bahasa Inggeris diterima secara rasmi, dan unsur-unsur tersebut boleh digunakan dalam apa-apa situasi termasuk situasi

formal. Dengan kata lain, unsur dari bahasa Barat, terutamanya bahasa Inggeris yang diambil secara rasmi muncul baik dalam bahasa Melayu lisan maupun bahasa tulisan. Pengambilan unsur bahasa Inggeris secara tak rasmi pula merujuk kepada pengambilan unsur bahasa Inggeris yang tidak diterima secara rasmi, maka tidak boleh digunakan dalam situasi rasmi, tetapi dilakukan oleh ramai penutur bahasa Melayu. Dalam perbincangan yang berikut, unsur bahasa Inggeris yang diambil secara rasmi dibincangkan, manakala pengambilan unsur bahasa Inggeris secara tak rasmi, pada pandangan pengkaji, mengandungi beberapa masalah, maka akan dibincangkan dalam

Bab 6 dalam landasan yang sama dengan pengaruh bahasa Thai terhadap dialek Patani.

Tidak dapat dinafikan bahawa dalam bahasa Melayu moden terdapat pengaruh bahasa Inggeris dari segi susunan ayat. Walaupun perkara ini selalu menarik perhatian, terutamanya dari para pencinta bahasa Melayu, agak sukar untuk dibuktikan kerana susunan ayat asas bahasa Melayu yang diterangkan dalam *Tatabahasa Dewan* atau mana-mana buku nahu bahasa Melayu, amat mirip dengan susunan ayat bahasa Inggeris, terutamanya ayat kata kerja transitif. Dengan demikian, perkara ini tidak dibincangkan dalam bab ini, tetapi akan ditinjau dalam **Bab 6** nanti.

4.6.1 Kedudukan

Dari segi kedudukan pula, kelihatannya perkataan pinjaman daripada bahasa Inggeris semakin bertambah. Walaupun ada padanannya dalam bahasa Melayu, perkataan Inggeris lebih ditonjolkan. Perkataan-perkataan seperti *artis*, *kreativiti*, *trend* telah mengambil alih ungkapan-ungkapan seperti *seniman*, *daya cipta*, *kecenderungan*.

Berbeza dengan perkataan pinjaman daripada bahasa Sanskrit atau bahasa Arab, hampir semua perkataan pinjaman daripada bahasa Inggeris tetap dianggap sebagai unsur pinjaman.

Secara umum, orang Melayu memandang tinggi terhadap bahasa Inggeris sebagai bahasa kemajuan atau bahasa sarjana, lalu hendak menghiasi bahasa Melayunya dengan unsur-unsur bahasa Inggeris. Penggunaan perkataan Inggeris berlebihan boleh mendatangkan kesan yang tidak baik dari dua segi. Pertama, akan melemahkan kosa kata bahasa Melayu yang sedia ada kerana istilahnya diambil alih oleh bahasa Inggeris. Yang kedua ialah percanggahan dengan bahasa Indonesia. Kini penyamaan atau penyalaranan bahasa Melayu dengan bahasa Indonesia cuma dibincangkan oleh ahli-ahli bahasa, dan masyarakat umum tidak lagi mempedulikan hal ini. Walaupun demikian, sekiranya hendak menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi ASEAN seperti yang tercatat dalam resolusi *Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu V*, hal ini amat mustahak, dan diperlukan sejenis kelainan bahasa yang mampu mengatasi semua sempadan negara, seperti *dialek Melayu supra* yang dianjurkan oleh Abdullah Hassan (1998 : 40). Tetapi sekiranya negara berbahasa Melayu masing-masing mengambil perkataan Inggeris mengikut sesuka hatinya, hal ini akan mendatangkan ketidak-fahaman. Misalnya perkataan *polisi* kadangkala digunakan dalam akhbar berbahasa Melayu sebagai maksud ‘dasar’, tetapi dalam bahasa Indonesia ini bermaksud ‘polis’.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa pengambilan unsur bahasa Inggeris dalam bahasa Melayu rasmi atau tulisan cukup terkawal berbanding dengan bahasa

Melayu lisan, dan boleh dikatakan bahawa bahasa Melayu lisanlah mampu menjadi benteng terhadap pencemaran bahasa. Namun kini kelihatannya bahasa Melayu tulisan mula mengikut jejak yang sama dengan bahasa Melayu lisan.

4.6.2 Golongan Kata

Dari segi jumlah perkataan, bahasa Inggeris merupakan unsur pinjaman terbesar bagi bahasa Melayu. Bidang lingkup juga pelbagai. Antaranya, bidang yang paling penting ialah bidang yang berkaitan dengan aspek-aspek moden, terutamanya ilmu pengetahuan serta sains dan teknologi. Tanpa perkataan pinjaman daripada bahasa Inggeris, kebanyakan aspek kehidupan moden tidak dapat diuraikan dengan licin.

Dari segi golongan kata pula, cuma tiga golongan kata sahaja yang diambil dalam bahasa Melayu. Kebanyakannya golongan kata nama, dan diikuti oleh kata sifat. Hal ini kerana dalam bahasa Melayu, ditentukan supaya mengambil satu golongan kata sahaja, dan menghasilkan kata terbitan melalui proses pengimbuhan. Contohnya, perkataan *moden* yang diambil daripada perkataan Inggeris *modern* dapat menghasilkan kata terbitan seperti *memodenkan* dan *k modenan*. Perkataan *organisasi* diambil daripada perkataan *organization*. Jika hendak mengatakan konsep yang didukung oleh perkataan *organize*, bahasa Melayu boleh mengatakannya dengan menggunakan perubahan kata kerja transitif iaitu *mengorganisasikan* (Alisjahbana, 1981). Dengan demikian, golongan kata bagi perkataan pinjaman daripada bahasa Inggeris boleh diawal dengan baik dalam peminjaman secara rasmi.

4.7 Penutup

Bahasa Melayu amat kaya dengan unsur asing, baik dari segi jumlahnya mahupun dari segi kepelbagaiannya sumber pinjamannya. Hal ini lebih ketara jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa lain di Asia. Bagi bahasa Jepun, misalnya, bahasa Cina merupakan hampir satu-satunya sumber perkataan pinjaman, terutamanya sebelum pertemuan dengan kuasa Barat yang bermula sejak pengakhiran dasar tutup pintu negara pada 1853. Kini perkataan bahasa-bahasa Barat, terutamanya bahasa Inggeris diambil ke dalam bahasa Jepun dengan banyaknya, tetapi gejala ini berlaku cuma setelah zaman moden. Bahasa Thai pula kebanyakan perkataan pinjamannya daripada bahasa Bali/Sanskrit sehingga dua pertiga kata entri dalam kamus bahasa Thai terdiri daripada perkataan bahasa Bali/Sanskrit. Selain itu, terdapat sejumlah perkataan pinjaman daripada bahasa Khmer, tetapi kedudukannya, baik dari segi jumlah mahupun peranan sauh lebih kecil daripada perkataan Bali/Sanskrit. Oleh itu, jika diketepikan unsur pinjaman yang besar. Sebaliknya, bahasa Melayu menunjukkan kepelbagaiannya dalam sumber pinjaman asing.

Mungkin juga disebabkan oleh kesukaran daripada kepelbagaiannya sumber pinjaman, peninjauan terhadap asal-usul perkataan pinjaman dalam bahasa Melayu yang untas masih belum dilakukan. Di samping itu juga, masih terdapat kekeliruan dalam menentukan unsur pinjaman bagi satu-satu perkataan tertentu.

Misalnya perkataan ‘semua’. Menurut *Kamus Etimologi Bahasa Melayu*, “Kata ini berasal daripada bahasa Melayu kuno ‘semuha’ yang bermakna ‘sekalian’. ‘Semua’ ialah kata Melayu asli yang tidak dipinjam daripada mana-mana bahasa”. Dalam penjelasan tentang kata ini, ‘semua’ ialah bentuk yang berasal daripada ‘semuha’ yang digunakan sebelum munculnya kata ‘semua’.

Tetapi kemungkinan perkataan ini dipinjam daripada bahasa Sanskrit tidak dapat dinafikan. Dalam bahasa Thai terdapat perkataan yang berbunyi *samuha*, yang bermakna ‘semua’ atau ‘sekalian’. Penggunaan perkataan ini sebagai yang bermakna ‘semua’ agak terhad, contohnya ialah *semuhanaam* (semua + nama) ialah kata nama yang menunjukkan jumlah jamak seperti kumpulan. Perkataan ini berasal daripada bahasa Sanskrit yang bentuk asalnya ialah *semuha*.

Oleh sebab kata asal bagi perkataan Melayu ‘semua’ dahulunya berbentuk ‘semuha’, maka perkataan Sanskrit yang bentuknya berdekatan dengan ‘semuha’, iaitu *emuuha* juga mungkin kata asal bagi perkataan ‘semua’ seperti yang dijelaskan dalam *Kamus Etimologi Bahasa Indonesia*. Ada juga kemungkinan bahawa, walaupun amat cecil, masyarakat penutur Melayu kuno meminjam perkataan ini daripada bahasa Thai. Maksud pengkaji di sini bukanlah untuk menafikan bahawa perkataan ini merupakan perkataan Melayu kuno, tetapi asal usul bagi perkataan ‘semua’ ini harus dikaji kerana dalam bahasa Sanskrit terdapat satu perkataan yang bentuknya mirip dengan bentuk asalnya.

Seperi yang diterangkan di atas, terdapat percanggahan pendapat tentang sumber pinjaman dalam bahan yang digunakan dalam kajian ini. Tentang perkataan Inggeris dan Arab, tidak terdapat percanggahan pendapat demikian, kerana perkataan pinjaman dari kedua-dua sumber ini diambil pada zaman yang tidak berapa jauh dari sekarang, serta dari segi bentuknya mudah dikesani. Dalam hal ini kata pinjaman bahasa Inggeris amat mudah dikesani kerana bentuk dalam bahasa Melayu mengekalkan ciri-ciri bentuk asal. Perkataan bahasa Arab agak sukar diketahui atau dikesani sekiranya ditulis dengan tulisan Rumi. Tetapi masalah ini tidak akan timbul sekiranya kata pinjaman diselidiki melalui tulisan Jawi, yang mengeja perkataan bahasa Arab seperti yang dieja dalam bahasa berkenaan. Dengan demikian, dalam pengajian etimologi peranan tulisan Jawi amat penting. Yang menjadi masalah dalam hal ini ialah perkataan pinjaman daripada bahasa Sanskrit. *Kamus Dewan Edisi Baharu* menyenaraikan beberapa perkataan Sanskrit sebagai berasal dari bahasa Jawa. Mungkin hal ini disebabkan oleh hakikat bahawa, perkataan-perkataan pinjaman demikian sebenarnya berasal dari bahasa Sanskrit, tetapi dimasukkan dalam bahasa Melayu melalui bahasa Jawa. Catatan demikian tidak salah, tetapi tidak mencukupi dan kurang tepat. Sekiranya halnya begitu, perlu dicatat perkataan berkenaan diambil daripada bahasa Sanskrit melalui bahasa Jawa. Catatan sumber perkataan pinjaman dalam *Kamus Dewan Edisi Baharu* (catatan sumber pinjaman dalam *Kamus Dewan Edisi Ketiga* dibatalkan) agak mengelirukan dalam hal ini. Kamus bahasa Jepun untuk penggunaan umum (bererti bukan kamus pada peringkat penggunaan pelajar) mencatatkan sumber pinjaman serta saluran pinjamannya sekali. Misalnya, dalam bahasa Jepun terdapat sejumlah perkataan bahasa Sanskrit, tetapi pada masa yang sama dicatatkan juga saluran pinjamannya, iaitu ebanyakannya melalui bahasa Cina.

Tetapi apa yang menjadi akar yang paling dalam bagi semua masalah yang berkaitan dengan asal-usul sesuatu perkataan ialah kurangnya kajian yang bersifat etimologi dalam pengajian bahasa Melayu. Hasil kajian etimologi, walaupun kerja yang amat membebankan dan mengambil masa yang amat lama, dapat memberi maklumat tentang asal-usul perkataan, dan berikutan dengan itu, kita dapat mengetahui unsur budaya yang memberi pengaruh yang besar terhadap bahasa kita. Malah, tinjauan terhadap kecenderungan peminjaman, iaitu perkataan yang bersifat bagaimana diambil dari luar dan yang mana tidak diambil, juga dapat dilakukan. Kecenderungan peminjaman demikian dapat mengenangkan cara-cara berfikir dan kecekapan nenek-moyang dalam hal-ehwal peminjaman daripada bahasa asing. Sebagai penutup bagi bab ini, pengkaji ingin menekankan keperluan serta kepentingan pengajian etimologi dalam pengajian Melayu sebagai bidang yang belum lagi diterokai sepenuhnya.